

Malaysia peneraju diplomasi serantau

BERITA HARIAN 03 JUN 2025

m/d 2

Negara kekal teguh hadapi pelbagai cabaran global, tangkas lindungi industri dan kebajikan rakyat

Kuala Lumpur: Malaysia kekal teguh dalam menghadapi pelbagai cabaran global dan terus memainkan peranan sebagai pemangkin serta peneraju diplomasi serantau menerusi Kepengerusan ASEAN 2025, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menegaskan, meskipun dunia sedang dirundung pelbagai cabaran, termasuk ketegangan geopolitik dan tarif perdagangan, namun Malaysia kekal terpasak dengan kukuh.

“Malaysia menjadi antara negara yang terawal dan tangkas bertindak melindungi kepentingan industri, perniagaan dan kebajikan rakyat.

“Langkah strategik telah diambil secara menyeluruh dan terangkum dengan penglibatan pelbagai pihak demi memastikan kestabilan ekonomi dan daya saing negara terus terpelihara,” katanya.

Anwar berkata demikian dalam ucapan sembah tahniah pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan bagi 2025 bersempena dengan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim, di Istana Negara, semalam.

Berangkat pada istiadat itu, Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

Yang hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul dan Yang Dipertua Dewan Negara, Datuk Awang Beme Awang Ali Basah.

Perdana Menteri turut menyifatkan Sidang Kemuncak ASEAN kali ini sebagai yang terbaik dalam sejarah ASEAN, apabila Malaysia sebagai Pengerusi berjaya mempertemukan tiga benua gersa iaitu negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC), China dan ASEAN dalam usaha menjamin kelangsungan tamadun dan menyemarakkan ekonomi rakyat dan negara.

“Sidang ASEAN serta pengan-



Anwar menyampaikan ucapan sembah tahniah pada Istiadat Menghadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan 2025 bersempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim di Istana Negara, semalam.

(Foto BERNAMA)

juran LIMA (Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi) membuktikan betapa semangat kerja berpasukan ialah kunci utama dalam usaha kita menerjemahkan hasrat dan cita-cita negara.

“Kecemerlangan Angkatan Tentera Malaysia di Langkawi serta kehebatan PDRM (Polis Diraja Malaysia) dan seluruh jentera kerajaan serta swasta di Putrajaya dan Kuala Lumpur amat mengagumkan,” katanya.

Tahun Melawat Malaysia 2026

Anwar turut melahirkan keyakinan Tahun Melawat Malaysia 2026 akan menjadi pemangkin baharu kepada pertumbuhan ekonomi dan percambahan peluang pekerjaan.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, peningkatan hasil agrotani dan produk tempatan, barangan buatan Malaysia dan ketahanan industri domestik terus menjadi tonggak yang memperkukuh ekonomi negara.

“Dukungan tidak berbelah bahagi rakyat terhadap inisiatif ini memperlihatkan semangat kebangsaan yang tinggi dan kesedaran terhadap pentingnya sikap kemandirian dalam cabaran global yang tidak menentu ini,” katanya.

Dalam ucapan sama, Perdana Menteri menegaskan perpaduan nasional bukan lagi satu pilihan, sebaliknya menjadi keperluan utama untuk memastikan kelangsungan pembangunan negara.

Beliau berkata, perpaduan itu asas kepada pembangunan sebuah negara, selain menjadi pemangkin kepada kemajuan Malaysia.

“Malaysia hanya akan terus teguh jika kita kukuh berpadu.

“Kestabilan dan perpaduan nasional adalah syarat asas kepada segala kemajuan. Dalam dunia yang cepat berubah dan sarat cabaran, perpaduan bukan pilihan, ia adalah keperluan,” katanya.

Anwar berkata, Kerajaan MADANI di bawah naungan dan titah pandu Seri Paduka terus komited melaksanakan agenda reformasi menyeluruh berpaksikan prinsip yang MADANI.

“Pembangunan kebendaan semata tentunya tidak mencukupi. Malah, mesti diseimbangkan dengan nilai manusiawi, keadilan sosial dan karamah insaniah,” katanya.

Beliau berkata, pembangunan prasarana dan kemudahan awam tidak terbatas kepada projek mega seperti Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) sahaja, sebaliknya kemudahan asas seperti sekolah, hospital dan jaringan pengangkutan perlu diperbaiki, dinaik taraf serta ditingkatkan.

“Rakyat tidak hanya dijanjikan harapan tetapi juga dibela secara nyata dan berterusan,” katanya.

Perdana Menteri turut menekankan bahawa strategi untuk meningkatkan pendapatan rakyat akan terus digerakkan melalui reformasi struktur ekonomi, kemasukan pelaburan berkualiti tinggi serta pengukuhan ekosistem teknologi dan inovasi.

Anwar berkata, setiap anak watan harus berpeluang untuk maju, tanpa mengira latar belakang kaum atau budaya.

BERNAMA